

---

WESTLAND SDN. BHD. lwn. TAN ENG HOCK  
MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG  
ABDUL HAMID MOHAMAD  
SAMAN PEMULA NO. 24-297-91  
25 JANUARI 1992  
[1992] 1 CLJ Rep 647; [1992] 1 CLJ 645

**TUAN TANAH & PENYEWA:** *Permohonan untuk mendapat balik milikan (possession) - Samada defendan seorang penyewa kecil yang sah - Samada terdapat persoalan-persoalan yang perlu dibicarakan - Aturan 89 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980.*

Plaintif memohon mendapat balik milikan (possession) premis disebelah No. 20 Jalan Besar Pulau Pinang. Pada 15 November 1991 Mahkamah telah memberi perintah seperti yang dipohon dan memberi defendan masa satu bulan untuk menyerahkan milikan premis itu. Defendan merayu terhadap perintah itu.

Plaintif adalah tuan punya berdaftar tanah berkenaan. Melalui satu perjanjian plaintif menyewakan tanah itu kepada H.K.Huan tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung didalam perjanjian itu. Diantara lain syarat-klausa (ix) tidak membentarkan penyewaan kecil. Penyewaan kepada H.K. Huan itu tamat pada 1 Julai 1989 tetapi dia tidak menyerahkan milikan kosong tanah itu kepada plaintif. Plaintiff memfail guaman sibil dan mendapat penghakiman ingkar terhadapnya pada 23 Oktober 1990. Dalam bulan Januari 1991, defendan membuat permohonan untuk mencelah.

Mengikut plaintif, pada masa itu barulah, bagi kali pertama, dia mengetahui kehadiran defendan diatas tanah itu. Plaintiff tidak pernah memberi kebenaran kepada defendant untuk menduduki tanah itu. Defendant dalam affidavitnya, mengatakan dia adalah seorang penyewa kecil yang sah. Dia mengatakan plaintiff tahu dan bersetuju. Defendant juga mengatakan dia tidak diberi notis untuk keluar daripada tanah itu.

**Diputuskan:**

[1] Defendant tidak boleh menjadi seorang penyewa kecil yang sah melainkan jika kebenaran bertulis diberi oleh plaintiff. Jika ada kebenaran bertulis diberi oleh plaintiff apa yang perlu dilakukan oleh defendant ialah mengemukakannya. Dia tidak berbuat demikian. Sebaliknya dia cuma mengatakan dia menjadi penyewa kecil dengan persetujuan dan pengetahuan plaintiff. Ini tidak memadai untuk membangkitkan persoalan yang patut dibicarakan.

[2] Satu alasan lagi yang dibangkitkan oleh defendant ialah dia telah berjaya memohon untuk mencelah dalam guaman sibil oleh plaintiff terhadap H.K.Huan di Mahkamah Sesyen dan telah pun memasukan pembelaannya dalam guaman itu. Pada pandangan saya guaman itu tidak boleh menghalang permohonan ini.

[3] Memanglah Aturan 89 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 adalah tidak sesuai digunakan jika terdapat persoalan-persoalan yang perlu dibicarakan. Soal bagi Mahkamah ini memutuskan ialah sama ada satu perintah boleh dibuat oleh Mahkamah ini dibawah Aturan 89 atau tidak. Jika jelas kepada Mahkamah ini bahawa permohonan ini adalah sesuai dibuat

dibawah Aturan itu, syarat-syarat aturan itu dipenuhi, tidak ada persoalan fakta atau undang-undang, yang perlu dibicarakan, maka Mahkamah ini boleh memberi perintah dibawah aturan itu.

**Case(s) referred to:**

*Bohari bin Taib & Yg. Lwn. Pengarah Tanah dan Galian Selangor [1991] 1 CLJ(Rep) 48 (diikuti)*

**Legislation referred to:**

*Control of Rent Act 1966, s. 4(2)(a)*

*Rules of the High Court 1980, O. 89*

**Counsel:**

*Bagi pihak plaintif/responden - Mureli M. Navaratnam; T/n. Presgrave & Matthews*

*Bagi pihak defendant/pemohon - Darshan Singh & Co.; T/n. Darshan Singh & Co.*

## PENGHAKIMAN

**Abdul Hamid Mohamed PK:**

Melalui saman pemula, plaintif memohon mendapat balik milikan (possession) premis di sebelah No. 20 Jalan Besar, Pulau Pinang. Pada 15 November 1991 saya telah perintah seperti yang dipohon dan memberi defendant masa satu bulan untuk menyerahkan milikan premis itu. Defendant merayu terhadap perintah itu.

Plaintif adalah tuan punya berdaftar tanah berkenaan. Melalui satu perjanjian bertarikh 27 Mei 1986, plaintif menyewakan tanah itu kepada Hong Kee Huan, tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung di dalam perjanjian itu. Salah satu daripada syarat-syarat itu, Klausus (ix), menyebut:

ix. Not without the prior written consent of the Landlord to assign, underlet or part with the possession of the demised portion or any part thereof.

Penyewaan kepada Hong Kee Huan itu tamat pada 1 Julai 1989 tetapi dia tidak menyerahkan milikan kosong tanah itu kepada plaintif. Plaintiff memfail guaman sibil dan mendapat penghakiman ingkar terhadapnya pada 23 Oktober 1990. Dalam bulan Januari 1991, defendant membuat permohonan untuk mencelah. Mengikut plaintif, pada masa itu barulah, bagi kali pertama, dia mengetahui kehadiran defendant di atas tanah itu. Plaintiff tidak pernah

memberi kebenaran kepada defendant untuk menduduki tanah itu.

Defendant, dalam afidavitnya, mengatakan dia adalah seorang penyewa kecil yang sah. Dia mengatakan plaintif tahu dan bersetuju. Defendant juga mengatakan dia tidak diberi notis untuk keluar daripada tanah itu.

Memanglah Aturan 89 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 adalah tidak sesuai digunakan jika terdapat persoalan-persoalan yang perlu dibicarakan - *Bohari bin Taib & Yg. Ln. lwn. Pengarah Tanah dan Galian Selangor [1991] 1 CLJ(Rep) 48* SC.

Soalnya ialah sama ada defendant seorang penyewa kecil. Defendant tidak boleh menjadi seorang penyewa kecil yang sah melainkan jika **kebenaran bertulis** diberi oleh plaintif. Jika ada kebenaran bertulis diberi oleh plaintif, apa yang perlu dilakukan oleh defendant ialah mengemukakannya. Dia tidak berbuat demikian. Sebaliknya dia cuma mengatakan dia menjadi penyewa kecil dengan persetujuan dan pengetahuan plaintif. Ini tidak memadai untuk membangkitkan persoalan yang patut dibicarakan.

Berkenaan "notis to quit", oleh sebab defendant bukan penyewa kecil yang sah, soal notis tidak timbul.

Dalam afidavitnya, defendant juga mengatakan bahawa premis itu adalah satu premis terkawal dan dia berhak mendapat perlindungan Akta Kawalan Sewa 1966. Walau bagaimanapun, pembelaan ini telah ditinggalkan oleh Peguam defendant dalam hujah-hujah bertulisnya. Jadi, tidak perlulah dibincangkan. Walau bagaimanapun memandangkan bahawa tanah itu disewa kepada Hong Kee Kuan sebagai tanah kosong pada tahun 1986, bangunan yang dibina oleh defendant di atas tanah itu semestinya hanya boleh dibina selepas tahun 1986. Oleh itu premis itu bukanlah satu premis terkawal seperti yang diperuntukkan oleh s. 4(2)(a) Akta berkenaan.

Satu alasan lagi yang dibangkitkan oleh defendant ialah dia telah berjaya memohon untuk mencelih dalam guaman sibil oleh plaintif terhadap Hong Kee Huan di Mahkamah Sesyen dan telah pun memasukkan pembelaannya dalam guaman itu.

Pada pandangan saya guaman itu tidak boleh menghalang permohonan ini. Soal bagi Mahkamah ini memutuskan ialah sama ada satu perintah boleh dibuat oleh Mahkamah ini di bawah Aturan 89 atau tidak. Jika jelas kepada Mahkamah ini bahawa permohonan ini adalah sesuai dibuat di bawah Aturan itu, syarat-syarat Aturan itu dipenuhi, tidak ada persoalan, fakta atau undang-undang, yang perlu dibicarakan, maka Mahkamah ini boleh memberi perintah di bawah Aturan itu. Saya berpuashati dengan semua perkara yang saya baru sebutkan di atas itu. Oleh itu saya perintahkan seperti saya sebutkan di permulaan penghakiman ini.